

Kejohanan Badminton Tertutup UMS asah bakat baru, berpotensi

DE 14.6.13 II

KOTA KINABALU: Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Kelab Badminton Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Kejohanan Badminton Tertutup UMS bagi mengasah bakat baru yang berpotensi dalam sukan tersebut.

Kejohanan yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat A1 UMS terbahagi kepada empat kategori iaitu Beregu Lelaki, Beregu Wanita, Beregu campuran dan Beregu staf UMS.

Sebanyak 17 kumpulan berentap di kategori beregu lelaki dan enam kumpulan bagi kategori beregu wanita. Manakala beregu campuran dan beregu staf masing-masing mempunyai penyertaan seramai 13 kumpulan dan empat kumpulan bagi beregu staf.

Pasukan Skema 2 muncul juara bagi kategori beregu lelaki dengan kemenangan mudah 21-14 dan 21-14 terhadap pasukan Skema 1 sekali gus meletakkkan pasukan Skema 1 sebagai naib johan, diikuti tempat ketiga milik pasukan Sabah Badminton Association (SBA) 3 dengan mata kemenangan 21-11 dan 21-10 terhadap pasukan Kampung Boy.

Bagi kategori beregu wanita, pasukan SBA



muncul juara setelah menerima saingan sengit daripda pasukan Skema 1 dengan mata 21-14, 19-21 dan 21-16. Tempat ketiga pula menjadi milik pasukan Skema 2 dengan kemenangan mudah 21-14 dan 21-16 terhadap pasukan Lee.

Saingan kategori beregu campuran pula memperlihatkan Pasukan Shuttle Club terpaksa akur selaku naib johan setelah kalah dalam permainan tiga set terhadap pasukan Skema 2 dengan mata 21-17, 18-21 dan 21-13. Manakala pasukan Skema terpaksa berpuas hati di tempat ketiga.

Sementara itu, beregu staf menyaksikan pasukan SUKIM dinobatkan juara, pasukan Jalil di tempat kedua dan pasukan Sport Dynamic di tempat ketiga.

Menurut Pengarah Program Badminton yang juga ahli Exco Sukan dan Rekreasi MPP, Pang Ngiap Ting, kejohanan itu yang mendapat penyertaan sebanyak 40 kumpulan juga dilihat sebagai medan terbaik dalam mengeratkan silaturahim antara mahasiswa tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.

Pang yang amat berpuas hati dengan penglibatan mahasiswa dan kelab jemputan turut menambah, lebih banyak aktiviti sukan bakal dianjurkan pada masa akan datang selain berharap lebih banyak penyertaan dari pada mahasiswa.

Beliau turut menyatakan penghargaannya kepada kelab jemputan iaitu Persatuan Badminton Sabah (SBA) dan Labuan serta kakitangan yang turut serta menjayakan kejo-

SALAH
satu aksi
perlawanan
pada
Kejohanan
Badminton
Tertutup
UMS.